

ASEAN dipengerusikan Malaysia capai hasil konkrit dalam masa singkat

• Malaysia mencipta sejarah sebagai tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China pertama. Gabungan blok ini mencapai kesepakatan ke arah rundingan FTA ASEAN-GCC dan pengukuhan kerjasama

• Dalam masa tiga hari sahaja Perdana Menteri berjaya membawa ASEAN ke arah kerjasama strategik lebih mendalam dan meletakkan Malaysia sebagai pusat graviti kepada kemajuan rantau ini dalam dunia kian mencabar



Oleh Prof Madya Dr Siti Darwinda Mohamed Pero
bhrencana@bh.com.my

Dalam tempoh tiga hari lalu, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim, melaksanakan rangkaian aktiviti diplomatik, kepimpinan serantau, kerjasama ekonomi dan pembangunan strategik padat, menjadikan tempoh singkat ini sebagai antara paling bermakna dalam sejarah hubungan luar Malaysia dan ASEAN.

Dalam detik terbatas ini, beliau bukan sahaja menerima lawatan rasmi daripada beberapa ketua negara ASEAN, bahkan memperkerusi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46, menganjurkan Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China pertama, memeterai pelbagai perjanjian strategik dan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju diplomasi serantau.

Antara peneraju diploma ialah lawatan rasmi Perdana Menteri Laos, Sonexay Siphandone. Ini lawatan pertama beliau ke Malaysia sejak dilantik sebagai Perdana Menteri pada Disember 2022. Dalam pertemuan dua hala ini, kedua-dua pihak membincangkan isu membabitkan perdagangan, pelaburan, tenaga boleh diperbaharui, pertahanan, pendidikan dan sektor kecerdasan buatan (AI) serta semikonduktor.

Perdana Menteri juga menerima lawatan rasmi daripada rakan sejawat dari Vietnam, Pham Minh Chinh. Hubungan dua hala Malaysia-Vietnam ditingkatkan kepada tahap Perkongsian Strategik Komprehensif (PSC) pada November 2024.



Dalam lawatan ini, kedua-dua pemimpin menggariskan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi, keselamatan siber, pertanian moden, peralihan tenaga mampan dan pembangunan modal insan.

Mengikut Perdana Menteri, PSC ini membuka lebih banyak ruang kerjasama strategik serta mencipta masa depan lebih lestari dan inovatif.

Dalam sela-sela sidang kemuncak, Perdana Menteri mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet; Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong dan Premier China, Li Qiang.

Perbincangan dengan Wong menumpukan projek RTS Link, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) serta ASEAN Power Grid, manakala bersama Li Qiang, mereka merangka isu Laut China Selatan, perkembangan Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA) dan kerjasama dalam industri halal serta teknologi AI.

Perdana Menteri juga mengadakan perbincangan penting dengan pemimpin dari Asia Barat termasuk Putera Mahkota Kuwait, Sheikh Sabah Khaled Al-Hamad Al-Sabah; Emir Qatar, Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani dan Putera Mahkota Bahrain, Putera Salman Bin Hamad Al Khalifa.

Perbincangan ini membuahkan pelbagai memorandum persefahaman (MoU) membabitkan sektor tenaga, pendidikan, perdagangan digital dan pembangunan taman perindustrian.

Dalam pertemuan dengan Putera Mahkota Bahrain, tujuh MoU ditandatangani merangkumi kerjasama logistik, sumber manusia, pendidikan tinggi, perdagangan dan pelaburan.

Selain hubungan dua hala, Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 menjadi medan penting untuk pelancaran rasmi Deklarasi Kuala Lumpur ASEAN 2045: Masa Depan Bersama.

Deklarasi ini menetapkan enam plan strategik jangka panjang untuk dua dekad akan datang, merangkumi aspek politik, keselamatan, ekonomi, sosio-budaya dan keterhubungan.

Perdana Menteri menegaskan kita bukan sekadar membentuk masa depan, tetapi mewariskan satu legasi perpaduan, kesepakatan dan masa depan bersama buat ASEAN.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menegaskan kita bukan sekadar membentuk masa depan, tetapi mewariskan satu legasi perpaduan, kesepakatan dan masa depan bersama buat ASEAN.

Malaysia juga mencipta sejarah sebagai tuan rumah kepada Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China yang pertama. Gabungan ketiga-tiga blok ini, yang mewakili kekuatan ekonomi global, menyaksikan kejayaan dalam mencapai kesepakatan ke arah rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) ASEAN-GCC dan pengukuhan

kerjasama dalam bidang tenaga boleh baharu, kecerdasan buatan dan kestabilan geopolitik serantau.

Satu lagi pencapaian penting ialah pemeteraian perjanjian antara Malaysia, Singapura dan Vietnam untuk mengeksport tenaga angin luar pesisir dari Vietnam ke Malaysia dan Singapura melalui kabel dasar laut. Projek ini adalah sebahagian inisiatif ASEAN Power Grid dan disokong Bank Pembangunan Asia (ADB).

Perdana Menteri turut melibatkan suara rakyat dan golongan belia melalui sesi libat urus bersama wakil Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA) dan delegasi belia ASEAN.

Beliau menegaskan suara dan idealisme anak muda perlu diberi tempat dalam pembentukan dasar ASEAN kerana kekuatan serta idealisme anak muda adalah kekuatan tidak ternilai.

Dalam tempoh sama, beliau turut mengadakan Forum Ekonomi Fortune ASEAN-GCC-China dan menyampaikan mesej penting kepada sektor perniagaan: "Kepemimpinan politik kepada sektor swasta mengambil langkah berani, memanfaatkan peluang dan merealisasikan aspirasi ini secara bersama".

Perdana Menteri juga bertemu dengan Presiden ADB, Masato Kanda, yang menyatakan komitmen institusi itu untuk menyokong kepemimpinan Malaysia dalam integrasi ekonomi serantau dan membiayai projek seperti ASEAN Power Grid serta sektor tenaga hijau dan penyelidikan.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 turut memperluaskan perkembangan positif dalam isu keanggotaan penuh Timor-Leste, yang dijangka dimuktamadkan menjelang Oktober. Isu Myanmar juga mendapat perhatian dengan penekanan kepada bantuan kemanusiaan dan gencatan senjata.

Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China dan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 turut diserikan dengan Majlis Makan Malam Gala yang menampilkan kekayaan budaya Malaysia dan Santapan Diraja bersama Yang di-Pertuan Agong. Acara ini memperkukuh hubungan diplomatik melalui pendekatan budaya dan tradisi negara.

Tepat sekali kenyataan Perdana Menteri dalam sidang media penutup bahawa sidang kali ini antara paling substantif dalam sejarah ASEAN bukan sahaja dari segi perbincangan, malah kenyataan bersama yang kukuh dan penuh makna.

Dengan kepimpinan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN, agenda utama bukan sahaja dibincang, malah diterjemahkan kepada tindakan dan dokumen konkrit seperti permulaan rundingan FTA ASEAN-GCC dan deklarasi bersama berkaitan masa depan ASEAN.

Melalui gabungan diplomasi aktif, kecekapan pengurusan sidang, visi dan pandangan jauh strategik serta ketahanan fizikal luar biasa - seperti terbukti apabila beliau menghadapi sehingga 12 acara dalam sehari - Perdana Menteri memanfaatkan sepenuhnya peluang Kepengerusiannya ASEAN dengan keberkesanan dan ketokohan mengagumkan.

Itulah hakikatnya, hanya dalam masa tiga hari sahaja beliau berjaya membawa ASEAN ke arah kerjasama strategik lebih mendalam dan meletakkan Malaysia sebagai pusat graviti kepada kemajuan rantau ini dalam dunia kian mencabar.